



## SIARAN MEDIA

### **KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU MEMPERKASAKAN KOMUNITI MENCEGAH JANGKITAN COVID-19**

**PAGOH, 8 OGOS 2020** – YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu hari ini di Kompleks Sukan Pagoh, Johor. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperkasakan komuniti untuk melindungi diri, keluarga dan komuniti masing-masing dalam usaha memerangi pandemik COVID-19 dan membudayakan norma baharu.

Kempen Pembudayaan Norma Baharu yang disasarkan kepada seluruh rakyat Malaysia ini akan digerakkan sehingga ke peringkat akar umbi dan merentasi pelbagai golongan masyarakat dan sektor. Kempen ini akan didokong dan dijayakan oleh semua Kementerian, Jabatan, agensi di seluruh negara serta rakan strategik sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan bagi menyampaikan mesej secara konsisten, berterusan dan usaha menerap penghayatan serta amalan norma baharu dalam kalangan masyarakat.

Pada majlis pelancaran tersebut, logo dan slogan (tagline) Kempen Pembudayaan Norma Baharu iaitu Bersama Hentikan Wabak COVID-19 telah diperkenalkan. Logo dan slogan tersebut adalah hasil ciptaan Mohd Nor Fakhin Aqsa bin Mohd Nor Azam, juara Pertandingan Mencipta Logo dan *Tagline* Kempen Pembudayaan Norma Baharu anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bermula 1 hingga 10 Julai 2020 lalu. Pertandingan ini juga telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 1,137 peserta dan 2,150 logo yang diadili. Ini membuktikan kesedaran dan kesungguhan rakyat Malaysia menzahirkan kreativiti dalam usaha membanteras penularan COVID-19 dan menyokong norma baharu.

YAB Perdana Menteri turut melancarkan Buku Pembudayaan Norma Baharu Komuniti yang mengandungi pelbagai penerangan dan infografik sebagai panduan dan rujukan orang ramai yang kini berperanan sebagai petugas barisan hadapan dalam komuniti bagi mengekang penularan COVID-19. Buku yang akan diterbitkan dalam pelbagai bahasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini juga boleh didapati dalam bentuk digital melalui imbasan kod QR dan laman sesawang [www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my).

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut melakukan penyerahan peruntukan bagi pelaksanaan Program Pembudayaan Norma Baharu di peringkat negeri bagi memastikan kempen ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Turut hadir adalah Menteri Besar Johor; YAB Datuk Haji Hasni bin Haji Mohammad, Menteri Kanan Pertahanan; YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob merangkap Pengerusi Kempen Pembudayaan Norma Baharu, Menteri Komunikasi dan Multimedia; YB Dato' Saifuddin bin Abdullah, Menteri Kesihatan; YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali serta para pemimpin peringkat komuniti dan penduduk setempat.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**